

Ibu hiba terima ijazah anak sulung

UM 25-11-2014 27

KOTA KINABALU 24 Nov. - Melihat sahaja graduan yang berkumpul dan mula melangkah masuk ke Dewan Canselori Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi menerima ijazah masing-masing, hati si ibu mula dipaut rasa sebak dan hiba.

Manakan tidak, harapan untuk melihat anak sulung berdiri bangga menerima skrol kejayaan sempena Istiadat Konvokesyen Ke-16 UMS dan bergelar siswazah tidak kesampaian apabila Shazwan Hazlani Sharidzuan, 22, terlibat dalam satu kemalangan maut pada 23 Februari lalu.

Surinah Abdullah, 49, berkata, Shazwan yang merupakan anak sulung daripada empat adik-beradik meninggal dunia apabila kereta yang dinaiki bersama rakan ketika ingin pergi bermain futsal dirempuh sebuah bas ekspres di Jalan Tuaran Bypass, Menggatal dekat sini.

Jelasnya, Allahyarham mempunyai pelbagai rancangan yang hendak dilaksanakan apabila selesai menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda (Ekonomi) di UMS termasuk memberikan kehidupan lebih baik kepada keluarga.

"Namun ketetapan Tuhan mengatasi segalanya. Saya tetap berbangga dengan kejayaan Shazwan menamatkan pengajian di UMS dan saya hadir dalam majlis konvokesyen hari ini bagi mewakili Allahyarham yang pergi selamanya.

"Semangat Allahyarham akan tetap bersama kami selamanya. Malah adiknya, Liyana Natasha turut berpeluang menyambung pelajaran dalam bidang sama di UMS dan semoga kejayaan sama akan dicapai oleh Liyana seperti

arwah abangnya," katanya yang ditemui di sini hari ini.

Liyana yang turut sama menemani ibunya di dalam Dewan Canselori UMS mengalirkan air mata apabila nama arwah disebut pengacara majlis dan Surinah berdiri menerima skrol ijazah daripada Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah.

Mengulas lanjut, Surinah yang berkhidmat sebagai seorang guru di Tawau berkata, nasib malang turut diterimanya bersama tiga ahli keluarga lain ketika mereka dalam perjalanan ke Kota Kinabalu bagi menziarahi jenazah Allahyarham.

Katanya, kenderaan pacuan empat roda yang dinaiki bersama bekas suami dan dua lagi anak turut terlibat dalam kemalangan di Jalan Kalabakan apabila salah satu tayar kenderaan itu pecah dan menyebabkan mereka terbabas.

"Saya menerima kecederaan agak serius dalam kemalangan pada pukul 3 pagi itu apabila salah satu alat bantuan membuka tayar kenderaan iaitu jek kereta terkena belakang badan.

"Kami sekeluarga juga terpaksa menunggu sehingga tiga setengah jam di laluan alternatif tersebut bagi mendapatkan bantuan daripada pemandu lain, sebelum meneruskan perjalanan dengan menggunakan kenderaan rakan sejawat di Institut Pendidikan Guru (IPG) Keningau.

"Semua itu menjadi kenangan kami sekeluarga apabila terkenang kepada arwah Shazwan. Dia merupakan seorang anak yang baik dan sentiasa ceria setiap masa. Semangat arwah akan terus tetap bersama kami sekeluarga," katanya.



MOHD. HARUN ABDULLAH menyampaikan skrol ijazah kepada Surinah Abdullah yang mewakili arwah anaknya, Shazwan Hazlani Sharidzuan sempena Istiadat Konvokesyen Ke-16 UMS di Kota Kinabalu, Sabah, semalam.